

Soalan No:51

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN  
**DARIPADA :** DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT  
[ HULU LANGAT ]  
**TARIKH :** 3.4.2018 (SELASA)  
**SOALAN :**

Dr. Che Rosli Bin Che Mat [ Hulu Langat ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha Kementerian bagi meningkatkan disiplin pelajar dalam membentuk mereka menjadi manusia berguna sebagai pemimpin masa hadapan dan dapat mengelak ibu bapa membawa kes disiplin ke mahkamah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) amat prihatin dalam usaha meningkatkan disiplin murid di sekolah. Murid bukan sahaja dididik untuk berdisiplin tetapi juga dibantu bagi membangunkan sahsiah diri melalui program disiplin dan kaunseling secara berterusan oleh guru bimbingan dan kaunseling. Pihak sekolah telah diperuntukkan kuasa oleh KPM kepada Pengetua/Guru Besar (PGB) dalam semua urusan berkaitan peraturan dan tindakan disiplin ke atas murid.

Pembangunan sahsiah murid bukan sahaja dilaksanakan melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah tetapi juga aktiviti luar bilik darjah melalui kegiatan kokurikulum. Langkah ini bertujuan mewujudkan

ruang yang lebih luas dalam usaha menyemai dan memperkukuhkan penghayatan nilai-nilai murni murid. Penegasan pelibatan murid-murid dalam kegiatan kokurikulum bagi tujuan penghayatan nilai-nilai murni dinyatakan pada Anjakan Ke 3, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi mengelakkan kes-kes disiplin dibawa ke mahkamah, pihak sekolah diarahkan untuk mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Permuafakatan Sekolah. Melalui jawatankuasa ini pihak-pihak berkepentingan dilibatkan bagi tujuan mengatasi masalah disiplin secara bersepadu dan membawa impak positif kepada semua pihak termasuk sekolah dan ibu bapa.

RJM91